

15/04/2000

Ku Li layak, Napsiah terkeluar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tengku Razaleigh Hamzah kini melepasi syarat bertanding jawatan Naib Presiden Umno apabila mendapat satu lagi pencalonan dari bahagian Gua Musang hari ini.

Pencalonan ke-17 itu diputuskan sebulat suara dalam mesyuarat Jawatankuasa Umno bahagian Gua Musang yang turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Osu Sukam bagi jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan itu yang mempengerusikan mesyuarat berkenaan, sehingga kini belum membuat keputusan untuk bertanding bagi merencanakan lagi saingan merebut jawatan itu bersama sembilan calon lain.

Mesyuarat itu turut mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden. Ini bermakna Perdana Menteri kini memperoleh 164 pencalonan manakala Abdullah 163.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat yang diadakan di Kota Bharu, Tengku Razaleigh berkata, beliau akan membuat pengumuman selepas mendapat surat tawaran bertanding daripada ibu pejabat Umno di ibu negara.

Katanya, beliau mengizinkan namanya dicalonkan bertanding jawatan Naib Presiden selepas jawatankuasa bahagian itu serta Umno bahagian lain mahukannya memainkan peranan pada peringkat kepimpinan Umno pusat.

"Saya sebenarnya sudah bercakap kepada jawatankuasa bahagian, elok saya tidak dicalonkan untuk sebarang jawatan. Nampaknya dia orang berkeras supaya saya dicalonkan juga untuk jawatan Naib Presiden.

"Apatah lagi, apabila satu bahagian saja yang perlu menggenapkan jumlah kelayakan saya untuk bertanding bagi jawatan itu. Saya tidak mempunyai keupayaan untuk menahan hasrat jawatankuasa bahagian saya sendiri, tetapi mereka juga bersetuju supaya keputusan terakhir dilakukan oleh saya," katanya.

Tengku Razaleigh berkata senarai penuh pencalonan itu akan dihantar segera ke Ibu Pejabat Umno di Kuala Lumpur untuk diperakui selepas ditandatangani oleh Pengerusi Tetap Umno Gua Musang, Abdullah Wan Latif.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu diadakan pada 31 Mac lalu tetapi tidak membuat pencalonan bagi semua jawatan, sebaliknya menyerahkan kepada jawatankuasa bahagian menentukannya.

Kini semua 165 bahagian selesai mengadakan mesyuarat perwakilan apabila bahagian terakhir, iaitu Bandar Tun Razak di sini berbuat demikian malam ini.

Mesyuarat perwakilan bahagian Pemuda dan Wanita pula selesai minggu lalu dan perhimpunan bagi kedua-dua sayap itu akan diadakan sehari lebih awal, iaitu 10 Mei.

Sementara itu, penyandang jawatan Naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar, gagal mempertahankan jawatannya apabila ibu pejabat pergerakan itu mengesahkan beliau cuma memperolehi 24 pencalonan - kurang satu bagi melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan bagi bertanding jawatan berkenaan.

Bagaimanapun, Ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dalam sidang akhbar berkata keputusan mengenai penyertaan Napsiah akan diputuskan selepas pihaknya menjalankan siasatan lanjut berhubung pencalonannya.

Ini berikutan dakwaan Napsiah bahawa Wanita Umno bahagian Kulim Bandar Baru mencalonkannya, tetapi senarai pencalonan bahagian itu sebaliknya

menamakan Datuk Sharizat Abdul Jalil untuk bertanding naib ketua.

Napsiah yang ditemui berkata, beliau tidak faham bagaimana perkara itu boleh berlaku kerana perwakilan bahagian berkenaan sendiri menelefonnya dan memaklumkan bahawa beliau dicalonkan untuk jawatan naib ketua.

Napsiah berkata, sebelum ini kekeliruan juga berlaku bagi pencalonannya di bahagian Padang Serai apabila ibu pejabat Umno menerima nama Ainon Khairiyah Mohd Abbas sebagai calon dari bahagian itu, tetapi bahagian itu sebenarnya mencalonkannya.

Justeru, beliau meminta pihak tertinggi parti membuat penilaian teliti berhubung pencalonannya.